




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 1 RABU 7 JANUARI, 1970 1389 رابو 28 شوال PERCHUMA

D. Y. M. M. pulang ka-tanah ayer

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat pulang ka-tanah ayer dari London pada hari Rabu lepas.

Baginda telah di-iringi antara lain oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkiah dan Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan telah melawat London sejak 15 November, 1969.

Semasa berada di-London, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mengadakan perundingan dengan Setia Usaha Negara bagi Hal Ehwal Luar Commonwealth dan Menteri Negara, Lord Shepherd.

Perundingan tersebut adalah lanjutan perundingan mengenai perhubungan negeri ini dengan Britain yang di-mulakan dalam bulan September dan Oktober tahun 1968.

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan telah di-alu2kan di-lapangan terbang Berakas oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Mohammad Taib bin Awang Besar, Ketua2 Jabatan dan Ahli2 Majlis Mashuarat.

Do'a selamat atas keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia dan rombongan telah di-bacakan oleh Timbalan Kadzi Besar, Yang Di-Mulia-kan Pehin Khatib, Dato Paduka Pengiran Haji Metali bin Md. Yassin.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sedang di-alu2kan keberangkatan tiba Baginda dan rombongan di-lapangan terbang Berakas oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, yang telah di-lantek sa-bagai Timbalan Sultan ketika D.Y.M.M. berada di-luar negeri (membelakangi kamera) dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair kelihatan sedang berjabat salam dengan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Riwayat2 lama: Belia2 di-nasihatkan berwaspada

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Md. Taib bin Awang Besar telah menasihatkan belia2 tanah ayer supaya berwaspada dalam usaha mereka untuk menimbulkan riwayat2 lama negeri ini sama ada yang di-persembahkan melalui derama2 atau lain2nya.

Beliau menumpukan seruan itu melalui Majlis Belia2 Negeri Brunei yang merupakan sa-buah badan tertinggi yang mengawasi dan membimbing persatuan2 belia di-negeri ini pada melaksanakan aktiviti2 yang berfaedah.

Seruan itu di-buat beliau ketika berucap di-pembukaan rasmi Kongres Agong Majlis Belia2 yang berlangsung di-Pusat Belia pada 1 Januari yang lalu yang di-hadiri oleh kira2 500 orang perwakilan persatuan2 belia dari seluruh negeri.

Beliau berharap, tenaga2 belia yang menjalankan usaha2 ka-araf itu akan benar2 di-tumpukan kapada riwayat2 yang boleh membangkitkan semangat keperwiraan dan keagongan negara bagi faedah2 mempersatupadukan bangsa.

(Lihat Mula 5)



Y.B. Dato Paduka Awang Mohd. Taib.

27 orang di-kurniakan bintang2, pingat2 kebesaran

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan mengurniakan bintang2 dan pingat2 kebesaran Negeri Brunei kapada 27 orang bagi musim pertama tahun ini.

Senarai pengurniaan itu telah di-dahului oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak

Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah dengan di-anugerahkan Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati—Darjah Pertama. D.K.

(Lihat Muka 8)



Gambar atas menunjukkan pasukan bahath Persatuan Pemuda Pemudi Sumbiling yang terdiri dari kiri Awangku Suhaimi bin Pengiran Wahid, Awang Tamin bin Abdullah dan Awang Abdul Kadir bin Chiku bergambar bersama2 dengan perisai dan piala2 kemenangan mereka sementara gambar sa-belah kiri menunjukkan sa-bahagian dari para jemputan khas yang telah menyaksikan peraduan pada malam itu.

Lima biasiswa akan di-berikan

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Belait akan menghadihkan lima biasiswa baru dalam tahun 1970 kepada penuntut2 yang memerlukan-nya di-sekolah2 rendah menengah Inggeris.

Pengerusi Jawatankuasa Kechil Biasiswa itu Awang G. F. Daniels meminta guru2 besar sekolah2 misi di-daerah Belait supaya menchalunkan penuntut2 untuk mendapatkan biasiswa tersebut.

Beliau berkata, tiga daripada lima biasiswa itu akan di-berikan kepada penuntut2 Melayu Brunei, saperti tahun2 sudah.

Biasiswa juga akan di-berikan kepada penuntut2 dari sekolah2 Melayu dan Tiong Hwa yang masuk belajar ka-sekolah2 misi sa-lepas tidak berjaya untuk memasoki ka-sekolah2 Inggeris kerajaan.

Biasiswa tersebut, pada permulaan-nya ia-lah buat selama tiga tahun, bergantung kepada laporan2 yang memuaskn dari sekolah2 mereka, dan jika penuntut2 itu berjaya memasoki ka-sekolah2 menengah, maka hadiah biasiswa itu akan di-berikan lagi selama tiga tahun, bagi membolehkan mereka belajar ka-tingkatan tiga.

Persatuan Sumbiling sandang johan peraduan bahath

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling, Bandar Brunei telah berjaya merebut gelaran johan bahath perengkat negeri apabila ia-nya dapat menewaskan Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Tanjong Maya, Tutong.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Persatuan Melayu Keriam Tutong itu telah di-langsungkan di-Pusat Belia pada malam 2 Januari lepas dengan tajok perbahathan "Brunei Patut Mengutamakan Perindustrian daripada Pertanian".

Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling bertindak sa-bagai penchadang yang mengemukakan pendapat2 betapa perlu-nya Brunei mengutamakan perindustrian, se-

mentara pembahath2 Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Tanjong Maya mengemukakan pandangan2 yang Brunei patut mengutamakan pertanian daripada perindustrian.

Ahli2 penchadang dari PPPKS terdiri dari Ak. Suhaimi bin Pengiran Wahid, Awang Abdul Kadir Chiku dan Awang Tamin Abdullah, sementara pembahath dari persatuan 3PTM terdiri dari Awang Maksin Haji Kadir, Awang Md. Zain Tengah dan Awang Mohiddin Abd. Ghani.

Kedua2 persatuan itu telah berjaya memasuki peraduan perengkat akhir sa-telah peraduan2 separoh akhir di-jalakan pada penghujung tahun 1969 antara johan2 daerah Belait, Tutong dan Brunei/Muara.

PPPKS ia-lah johan Daerah Brunei dan Muara, sementara 3PTM johan Daerah Tutong yang juga pada pusingan pertama telah menewaskan johan Daerah Belait yang di-wakili oleh Persatuan Belia Ulu Belait.

Peraduan perengkat negeri itu telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Pesuruhjaya Kebajikan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Md. Salleh bin Haji Masri.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Setia Laila Jasa Awang Haji Md. Zain selaku Yang Di-Pertua MBB telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan itu.

Hakim2 peraduan perengkat negeri itu ada-lah terdiri dari Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Omar Al-Haj, Awang Abdul Hamid bin Bakal (M. A. Azhar), Awang Suni Haji Idris dan Awang Mahmud Haji Bakyr.

Lebih dari 500 orang termasuk jemputan2 khas telah hadir menyaksikan peraduan tersebut.



Pembinaan kedai di-Kampong Perpindahan Berakas siap

BANDAR BRUNEI. — Kawasan perpindahan di-Berakas mendapat satu lagi kemudahan berikutan siap-nya baru2 ini sa-buah blok yang mengandungi 10 buah kedai.

Kedai2 itu telah di-serahkan kepada Pejabat Daerah Brunei Muara untuk di-duduki.

Pegawai Perpindahan Dato Seri Laila Jasa Awang G. D. Beckett berkata, ada-lah terpujang kepada pegawai daerah untuk memilih penyewa2 kedai2 itu.

Kerja membina bangunan kedai dua tingkat itu di-mulakan dalam tahun lepas dengan menelan belanja \$280,000.00.

Dato Beckett berkata, pembinaan sa-buah balai pulis yang kecil dan dua buah barrek yang tiap2 satu-nya mengandungi lima pintu akan siap tidak berapa lama lagi.

Kerja membina balai pulis dan barrek2 itu di-anggarkan menelan belanja sa-banyak \$161,850.00.

Jelaskan hutang ayer dengan segera

BANDAR BRUNEI. — Pengerusi Bandaran Brunei, Pengiran Dato Paduka Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah mengingatkan pengguna2 ayer di-kawasan bandaran Brunei yang be-

lum menjelaskan bayaran bekalan ayer supaya berbuat demikian dengan sa-beberapa segera.

Beliau berkata bayaran hendak-lah di-serahkan ka-Pejabat Bandaran Brunei di-belakang bangunan Dewan Kemashara-

katan, Bandar Brunei.

Pengiran Dato Paduka Abdul Rahman memberi amaran bahawa jika hutang bekalan ayer mereka tidak di-jelaskan, tindakan akan di-ambil dan kemungkinan bekalan ayer mereka akan di-potong.

HENDAK-LAH tuan2 takutkan azab Allah dengan mengerjakan segala perintahnya dan menjauhi segala larangan-nya. Ilmu pengetahuan ada-lah punca ketinggian dan kemuliaan dan jahal pula ada-lah sebab kemundoran dan kehinaan, maka dari itu-lah Islam telah memberikan umat-nya di-dalam menuntut ilmu sa-bagaimana Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Menuntut ilmu itu wajib atas tiap2 orang Islam laki2 dan perempuan".

Dan di-dalam Al-Quran pula telah di-terangkan oleh Allah subhanahu wata'ala firman-nya di-dalam surat Al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud:

"Allah menaikkan darjat2 orang yang beriman di-antara kamu dan orang yang berilmu pengetahuan beberapa darjat dan Allah maha mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Jika kita tahu dan menuntut ilmu itu ada-lah satu kewajipan ka-atas kita umat Islam, maka mengapa sa-hingga hari ini kebanyakan kita sa-bahagian daripada umat Islam selalu di-katakan lemah di-dalam pelajaran dan sangat kurang bijak pandai jika di-bandingkan dengan bukan Islam? Dan perkara ini tidak dapat kita nafikan kerana kenyataan telah terbentang di-hadapan mata kita sendiri.

Empat orang di-pilih sa-bagai Pegawai Kebajikan Haji

BANDAR BRUNEI. — Empat orang pegawai kerajaan telah di-pilih untuk memegang jawatan sa-bagai Pegawai Kebajikan Haji bagi bakal2 haji yang akan pergi dengan kapal terbang pada penghujung bulan ini.

Dua dari mereka ia-lah Awang Mohammad Ja'afar bin Haji Mohd. Daud dan Awang Haji Hanafiah bin Abdullah akan berlepas ka-Jeddah dengan kumpulan pertama pada 27 Januari dan mereka di-jangka pulang ka-tanah ayer pada 14 Mach.

Dua orang yang lain-nya Awang Mohammad Salleh bin Timbang dan Pengiran Haji Mohamad bin Pengiran Badar akan berlepas dengan kumpulan kedua pada 31 Januari dan mereka di-jangka kembali pada 15 Mach.

Sa-orang lagi pegawai Kebajikan Haji, Awang Sabtu bin Mohammad telah berlepas dengan kapal laut bersama2 dengan 243 orang jemaah haji

Brunei pada 13 Norember lepas.

Sementara itu Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengumumkan bahawa 244 orang jemaah haji yang telah berlepas ka-Mekah dengan kapal laut itu telah selamat sampai di-Jeddah pada hari Khamis lepas.

Penuntut2 lanjutkan pelajaran sa-lepas berchuti

BANDAR BRUNEI. — Saramai 60 orang penuntut Brunei telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu untuk menyambung semula pelajaran mereka di-sekolah2 di-sana sa-lepas berchuti di-tanah ayer.

Penuntut2 itu ada-lah belajar di-sekolah2 di-Telok Kura, Kaki Bukit dan Siglap.

MENUNTUT ILMU ADA-LAH WAJIB BAGI ORANG ISLAM

KHUTBAH JUMA'AT

Pada hari ini kita telah masuk ka-tahun baru 1970, maka selain daripada umur kita telah bertambah kurang, sa-patutnya kita mesti ingat sa-hingga mana telah kita perjuangkan hidup kita dan sa-takat mana pula kita berjaya dan di-mana pula dudok-nya kelemahan kita, kerana tiap2 kelemahan ada punca-nya dan mempunyai sebab2 tertentu, kait mengait di-antara satu dengan lain.

Menjelang-nya tahun baru ini mari-lah kita umat Islam dengan azam yang baru bisikkan-lah di-hati tiap2 sa-orang dengan bekerjasama sama ada dari pemimpin2 bangsa, pegawai2 tinggi, kaum pelajar, para2 guru, ibu bapa dan seterusnya pemuda dan pemudi umat Islam dan hendak-nya menginsafi hal pelajaran dan

ilmu pengetahuan di-kalangan umat Islam muga2 dengan keinsafan dan kerjasama seluruh lapisan bangsa kita sa-haja-lah yang akan dapat melahirkan satu kejayaan di-dalam kita menghadapi perubahan masa sekarang yang mementingkan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Dan hendak-lah kita lupa-kan masalah2 kecil, berselisah faham sa-sama sendiri, berhasat dengki, bermasam2 muka apa lagi tidak bertegur sapa, perkara2 yang tersebut tidak akan membawa kebajikan bahkan akan membawa keruntuhan perpaduan di-antara kita sa-sama sendiri, sa-bagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang telah mengingatkan di-dalam hal ini dengan sabda yang arti-nya:

"Jangan-lah kamu bermalah2 sa-sama sendiri dan jangan-lah kamu berdengki2 sa-sama sendiri dan jangan-lah berpaling2 muka manakala bertemu sa-sama sendiri dan jangan-lah kamu memutuskan tali saitulrahim sa-sama sendiri dan jadikan-lah bersama2 hamba Allah itu bersaudara dan tidak halal bagi orang Islam tidak bertegur dengan saudara-nya lebeh dari tiga hari."

Pembinaan jambatan hampir2 siap

BANDAR BRUNEI. — Kerja2 pembinaan enam belas buah jambatan di-Kampung Ayer yang berjumlah 4,443 kaki hampir2 siap.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya berkata, jambatan2 itu di-bena oleh jabatan-nya dengan peruntukkan yang di-berikan oleh pejabat Daerah Brunei-Muara. Jambatan yang panjang ia-lah 820 kaki, yang menghubungkan Kampung Sungai Kedayan "B" dengan tambak Masjid Omar Ali Saifuddin.

Beberapa buah jambatan yang lain ada-lah tambahan kepada jambatan2 yang ada sekarang, yang di-bena dulu sebagai jambatan saloran ayer ka-Kampung Ayer.

Jambatan2 itu akan menghubungkan antara sa-buah kampung dengan yang lain dan jalan keluar ka-bandar tanpa menggunakan perahu2.

Apabila projek itu selesai, kebanyakan dari kampung2 yang dekat dengan bandar akan di-hubungkan melalui jambatan2 itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7 Jan. 1970 hingga ka-hari Selasa 13 Jan. 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
7 Jan.		12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
8 Jan.		12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
9 Jan.		12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-15	6-31
10 Jan.		12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-15	6-31
11 Jan.		12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
12 Jan.		12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33
13 Jan.		12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



7hb. Januari, 1970

KEGIATAN2 PEMENTASAN DERAMA

HAMPIR sa-tiap persatuan2 belia di-negeri ini melaksanakan kegiatan2 persatuan mereka dengan berbagai cara untuk mengelakkan dari di-timpa oleh yang selalu di-perkatakan sa-bagai hidup segan mati tak mahu.

Ada-lah menjadi perkara yang utama untuk mengujudkan kegiatan2 itu dengan menurut jadual2 sama ada yang berupa kegiatan2 mingguan, bulanan atau pun tahunan. Di-samping itu, kegiatan2 yang di-buat tidak hanya tertumpu pada maksud supaya persatuan itu tidak tergendala perjalanannya, tetapi juga sa-bilangan besar-nya adalah bertujuan untuk menambah kewangan persatuan, kerana hanya dengan simpanan atau mempunyai kewangan yang cukup sahaja, maka segala ranchangan2 yang lebih berfaedah akan dapat di-laksanakan dengan jaya-nya. Ini memang diakui, malah untuk menjayakan sa-suatu ranchangan itu mestilah di-sertakan dengan kewangan yang mencukupi, di-samping beberapa perkara yang lain yang tidak kurang juga perlunya.

Bagi mendukung kegiatan2 sa-umpama ini, maka sa-bahagian besar persatuan2 belia di-negeri ini menumpukan perhatian mereka dalam kegiatan2 pementasan2 anika warna yang di-isikan dengan berbagai2 achara hiburan yang berunsurkan kesenian dan kebudayaan termasuklah pementasan2 derama dan tablo.

Pada umum-nya, pementasan2 derama dan tablo ada-lah dari cerita2 sejarah dan amat sedikit yang di-padankan dari cerita2 moden yang mungkin juga di-sebabkan kurang-nya penulis2 tempatan yang menghasilkan karya2 yang demikian.

Derama2 sejarah terutama yang di-tulis dalam awal tahun 60-han kebanyakan-nya mengutarakan tema2 yang terlalu sentimental dan membakar semangat yang membabitnya sifat-nya di-samping ketidakjelasan untuk menchari jalan yang damai yang bersifat memberikan pendidikan kepada jenerasi2 yang sesuai hidup di-zaman pembangunan negara sekarang ini.

Sa-bagai satu bangsa yang hidup dalam arus pembangunan dalam berbagai2 bidang, maka ada-lah menjadi tanggung-jawab kita bersama untuk menjitai pembangunan itu, baik pada segi lahir-nya mahu pun dalam segi bathin.

Usaha2 untuk membekalkan semangat bersatupada ada-lah satu usaha yang amat di-hargai oleh negara, tetapi tidak demikian hal-nya dengan usaha2 yang tergelincir dari yang di-maksudkan itu.

Kesimpulan-nya, persatuan2 belia yang hendak mementaskan derama2 purba haruslah meneliti terlebih dahulu untuk di-sesuaikan dengan kehendak2 perpaduan yang mesti ujud dalam sa-buah negara yang sedang membangun.

Tau abis kita?...

SAPERTI janji kami dalam keluaran minggu lalu untuk terus mengusahakan penerbitan ranchana2 yang di-fikirkan berfaedah untuk tatapan pembaca, maka pada keluaran pertama tahun 1970 ini, kami mulai dengan menyiarkan sa-buah ranchana berhubung dengan Sejarah Permulaan Negeri kita Brunei yang di-susun oleh Dayang Nafisah binte Haji Ali.

Sa-benar-nya ranchana ini telah pun di-siarkan melalui Radio Brunei dalam ruangan "Taukah Anda" yang di-terbitkan oleh penyusun-nya sendiri.

Atas kerjasama Ketua Pengelola Ranchangan Radio Brunei dan penerbit ruangan "Taukah Anda" itu, kerana mengizinkan kami menyiarkan ranchana itu di-ruangan ini, maka kami mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada mereka.

Memandang kepada kurang-nya penulis2 ranchana yang kami perlukan di-bahagian kami, maka kami mengharap agar kerjasama sa-umpama itu akan berlanjutan demi untuk kepentingan bangsa dan negara kita Darus Salam ini. — Pengarang.

SA-AWAL satu abad atau 100 tahun dahulu, Brunei di-kenali sa-bagai apa yang kita panggil Borneo sekarang, ia-itu sa-buah Pulau Besar Kalimantan yang mana seluruh pulau itu ada-lah di-bawah taklok Brunei. Tetapi entah hingga berapa lama kedudukan Brunei yang demikian tinggal tetap begitu, tidak-lah di-ketahui dengan tepat.

Pra-sejarah Brunei tidak dapat di-kesan dengan tepat dan teradisi negeri ini tidak menunjukkan permulaan - nya yang lebih awal dari masa mula-nya Sultan Brunei Yang Pertama berUgama Islam, memandang kepada jangka tarikh tulisan Arab mula di-perkenalkan di-Brunei.

Terjumpa-nya di-kuala Sungai Sarawak akan wang2 sen China yang bertarikh sa-awal tahun 600 sa-belum Masehi, menunjukkan bahawa Brunei mempunyai hubungan awal yang rapat dengan Negeri China. Kebenaran kenyataan ini lebih meyakinkan bila terdapat-nya kendi2 berukir buatan China Tua di-simpan sa-bagai pesaka oleh Dayak2 Borneo.

Pendapat2 yang di-kumpul dari cerita2 dahulukala mengenai sejarah purba Brunei banyak yang berbeza dan ada satengah2-nya yang bertentangan.

Menurut pengembara Marco Polo yang pernah melalui pelayaran Borneo dalam abad ke-13, ada terdapat tongkang2 yang membawa barang2 perdagangan antara Brunei dan China.

Di-Sarawak dan di-bahagian selatan Borneo pula, hingga hari ini, maseh terdapat kebudayaan, seni ukiran dan barang2 emas yang menyerupai bentuk kebudayaan Hindi. Pengaruh kebudayaan Hindi ini di-katakan mendarat dari kerajaan Majapahit di-Tanah Jawa.

Dan menurut pendaftaran Negeri Jawa, suatu angkatan tentera dari Jawa pernahmenghalau pengganas2 Sulu dari Brunei dalam tahun 1368; dan

Brunei di-sebut sa-bagai salah sa-buah negeri yang di-taklok oleh kerajaan Majapahit semasa pemerintahan Angka Wijaya ia-itu Raja yang penghabisan memerintah Majapahit sebelum kerajaan itu di-tewaskan oleh Raja Islam Melaka yang pertama.

Sa-belum pemerintahan Sultan yang pertama berugama Islam, Brunei membayar ofti kepada Majapahit yang berupa sa-buah kendi dan ayer buah pinang.

Hanya setakat itu-lah saja yang dapat kita ketahui mengenai Sejarah Purba Brunei, hingga kita tiba pada teradisi negeri ini yang menamakan hanya satu tarikh saja ia-itu tarikh yang hampir pada pertengahan dan bermula dengan Awang Alak Betatar menjadi Sultan Brunei Yang Pertama berugama Islam, yang masa pemerentahan-nya di-perchayai bermula dalam abad ke-15 Masehi.

Menurut sa-buah cerita lama, Awang Alak Betatar selaku ketua penduduk2 Brunei di-zaman itu, memerintah bala tentera-nya pergi menchari sa-orang puteri untuk-nya.

Rombongan itu pun berangkat ka-Johor di-mana mereka sempat tiba untuk mengambil bahagian dalam temasha lumba layar yang di-adakan di-perayeran Johor. Laju-nya kapal layar Brunei menarek perhatian puteri muda Johor hingga ia di-bawa menaiki kapal Brunei itu sa-belum perlumbaan di-mulakan. Dengan diiringi gendang dan semboyan, kapal2 yang mengambil bahagian pun mula berlumba.

Dalam perlumbaan itu tiba2 datang ribut tofan melanda dengan hebat-nya dalam mana perahu2 kepunyaan Johor semuanya terbalak dan hanyut. Tetapi kapal layar Brunei tetap tegak dengan pedoman-nya melawan keganasan ombak. Dan dari situ-lah puteri muda Johor yang ada bersama di-dalam kapal layar Brunei itu terus di-bawa pulang ka-Brunei di-mana kedatangan puteri itu di-sambut dengan adat is-

SEJARAH RENGKAS PERMULAAN BRUNEI

Di-susun oleh:

Dayang Nafisah Haji Ali

tiadat kebesaran yang serba indah.

Menurut cerita selanjutnya, Sultan Johor ketika itu yang gelisah oleh kehilangan puteri-nya menghantar beberapa orang pegawai2 istananya berserta hulubalang2 diraja ka-Brunei.

Bendahara Amar Di-Raja dan Seri Nara Di-Raja Bendahara Johari yang mengetuai rombongan dari Johor itu membawa bersama mereka burung kesayangan Puteri muda yang di-tawan itu. Burong agai kesayangan Puteri itu di-namakan-nya Burong Pingai.

Sa-belum rombongan itu tiba di-pantai Brunei, kapal-nya musnah di-pukul ribut. Kesemuah anak buah-nya hilang, kecuali dua orang pemimpin-nya tadi dapat menyelamatkan diri dengan berpaut pada tiang layar. Kedua2-nya itu kemudian di-bawa oleh ombak ka-pantai Brunei. Tetapi mereka terperanjat bila mereka dapati burung pingai yang di-bawa mereka tadi telah terbang mendahului mereka ka-darat.

Oleh kerana mereka tidak tahu mana arah hendak dituju, maka mereka mengeksori burung pingai itu ka-mana saja ia pergi, hingga mereka tiba pada suatu tempat sekarang di-kenali sa-bagai "Berakas". Di-sini, Seri Nara Di-Raja mendapat isteri dan tinggal menetap bersama-nya. Tetapi Bendahara Amar Di-Raja bersama burung pingai meneruskan perjalanannya ka-Pekan Brunei di-mana ia tinggal di-sa-buah tempat yang hingga sekarang mengambil nama Kampong Burong Pingai.

Beberapa tahun kemudian, usaha untuk mendapatkan kembali Puteri muda Johor itu di-ranchangkan oleh Bendahara Amar Di-Raja bersama2 beberapa orang kawan-nya yang terdiri dari penduduk2 kampong Burong Pingai itu. Sa-bagai menalakan ranchangan itu, sa-bilangan kaum perempuan di-kampong itu pergi ka-Istana Sultan dan dapat melarikan Puteri Johor itu dengan menggunakan musuhihat kuasa ghaib.

Sa-telah itu, menurut cerita-nya, hingga sekian lama, kaum perempuan dari Burong Pingai tidak di-benarkan melangkahkan kaki masuk ka-Istana Raja. Puteri Johor yang dapat di-larikan itu pun di-bawa pulang menghadap ayahanda-nya di-Johor.

(Lihat Muka 5)

GARIS2 KASAR

KEGIATAN2 MBB 1970

BANDAR BRUNEI. — Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin dalam ucapan-nya di-Kongres MBB telah membentangkan garis2 kasar pelaksanaan projek2 MBB di-sepanjang tahun 1970.

Antara projek2 itu ia-lah mengenai Permodalan Sharikat Kerjasama Pusat Belia atau yang di-namakan Gerakan Ekonomi Belia.

MBB juga sedang memikirkan mengenai dengan Perkhemahan Belia Sa-Dunia bersempena dengan EXPO 70 di-Jepun atas jemputan Majlis Kebangsaan Belia Jepun.

Yang Di-Pertuan MBB itu juga telah menyentoh bidang2 pelajaran dan pendidikan yang pehak MBB akan berusaha dengan berkesan untuk menimbulkan kesedaran belia2 di-bidang tersebut.

MBB juga telah berikrar untuk meneruskan usaha2-nya di-bidang Ugama Islam bagi maksud untuk menghuraikan dengan lebih jelas berhubung dengan pengertian-nya sa-bagai satu chara hidup yang lengkap, sempurna dan sentosa disamping menanamkan semangat berugama di-kalangan belia dan mematohi ajaran2-nya.

Mengenai dengan kesenian dan kebudayaan, Yang Di-Pertua MBB itu menekankan bahawa MBB akan terus menumpukan perhatian untuk menimbulkan kembali Kebudayaan dan Kesenian Brunei yang di-fikirkan berfaedah dan bersesuaian dengan keadaan zaman.

Beliau juga menyatakan hasrat MBB untuk melaksanakan terus projek2 di-bidang soka dan olahraga bagi tujuan2 untuk memupok perasaan muhibbah antara kaum dan bangsa serta menjadikan gelanggang itu untuk mengharumkan nama Brunei.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Haji Awang Mohd. Zain.

Tiga prinsip untuk lichinkan kegiatan2 MBB

BANDAR BRUNEI. — Majlis Belia2 Negeri Brunei mengharapkan kepada kaum kerabat-nya supaya melipatkan tenaga dan usaha mereka dalam membantu bagi melaksanakan tiga perinsip perjuangan untuk menchapai kemajuan2 atas ranchangan2 yang akan diteruskan-nya di-sepanjang tahun 1970.

Ketiga2 prinsip itu ia-lah untuk mengujudkan pentadbiran yang chekap dan jujur; kewangan yang menchukupi; dan kerjasama yang lebih erat. MBB juga menyeru kaum kerabat-nya supaya akan menumpukan perhatian yang lebih berat untuk sama2 memelihara nama baik-nya agar ia terus hidup dan berbakti kepada Brunei Darus Salam yang terchinta ini.

Ini telah di-serukan oleh Yang Di-Pertua MBB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mo-

hammad Zain bin Haji Serudin dalam ucapan beliau di-perasmian pembukaan Kongres MBB yang berlangsung baru2 ini di-Pusat Belia.

Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja telah juga membentangkan kejayaan2 yang di-chapai oleh MBB dan kaum kerabat-nya pada melaksanakan kegiatan2 di-sepanjang tahun 1969.

Di-antara kejayaan2 itu, termasuklah Seminar Pendidikan yang berlangsung pada 1 Ogos, 1969 yang di-sifatkan beliau sa-bagai mempunyai hubungan2 rapat dengan kemajuan di-bidang pelajaran dan pendidikan di-negeri ini.

Beliau juga menekankan kebanggaan MBB kerana berjaya "mengenalkan dan mengharumkan" Negeri Brunei di-luar negeri atas penyertaan2 perwakilan2 - nya di-Perhimpunan Belia Sa-Dunia Yang Ke-7 di-Belgium, Persidangan Pemimpin2 Belia Sa-Asia di-German Barat dan juga penyertaan-nya dalam Perlumbaan Basikal di-Melaka dan Johor.

Beliau menguchapkan terima kasih MBB kepada Kerajaan yang telah memberikan tambang perchuma kepada salah sa-orang perwakilan ka-Perhimpunan Belia Sa-Dunia dan ka-Persidangan Musik dan Derama Antara Bangsa di-Kuala Lumpur.

Beliau juga menyampaikan ucapan terima kasih MBB atas kemudahan2 dan dorongan yang di-berikan oleh Kerajaan, termasuklah ujud-nya Pusat Belia.

Nasihat Pmk. S.U.K.

kpd. belia2 tanah ayer

(DARI MUKA 1)

Pemangku Setia Usaha Kerajaan menyaranan bahawa tenaga2 yang berakibat memecah-belahkan masharakat kita darussalam ini hanya akan membawakan kepahitan hidup sahaja kepada semua yang berkenaan.

"Saya mempunyai penoh harapan supaya tenaga raksaksa belia dari seluroh tanah ayer, melalui pimpinan Majlis Belia2, akan di-perwaspadakan dan di-ekonomikan menurut keutamaan2 kepentingan negara Brunei Darussalam", kata beliau.

Beliau sa-tersus-nya berharap supaya tenaga2 belia akan di-gunakan sapenoh2-nya dan hasil tenaga itu pula hendaklah di-kawal dan di-awasi supaya mendatangkan faedah maxima kepada belia2 sendiri.

Yang Berhormat Penulong Setia Usaha Kerajaan telah juga menyatakan sukachitannya melihat kepada perkembangan2 belia sekarang ini yang sedang menempoh kemajuan2 dalam bidang meninggikan taraf perekonomian mereka saperti dengan mendirikan kedai2 belia.

Tetapi beliau mensifatkan sa-bagai mendukachitakan "jika terdapat" di-antara kedai2 belia itu di-sewakan atau di-jalankan oleh orang2 yang bukan dari golongan belia, sedangkan usaha2 itu ada-lah khas untuk belia.

"Tidak-lah lojik dan same-mang-nya terkeluar dari prinsip kemanusiaan jika hasil2 tenaga belia sengkaja di-biarkan untuk di-nikmati oleh lapisan2 yang lain saperti golongan2 "tengah", ujar beliau.

Menyentuh mengenai perwakilan2 belia yang menghadhiri persidangan2 di-luar negeri, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan berharap:

"Oleh2 peserta2 yang telah menghadhiri persidangan2 itu akan dapat di-padankan dengan kehendak2 dan kepentingan2 negeri ini serta di-sibarkan kepada rakan2 saperjuangan yang lain untuk memperkukuhkan lagi kedudukan keselamatan dalam negeri dan keharmonian hidup kita".

Beliau perchaya bahawa pengetahuan2 dan pengalaman2 yang telah di-perolehi itu akan dapat membantu MBB meranchang dan mengator usaha2 penoh munafaat bagi negara dan raayat dan akan lebih memperkukuhkan keamanan, ketenteraman dan kemakmoran.

Akhir-nya beliau menyeru belia2 supaya menggunakan sapenoh2-nya kemudahan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan serta memberikan kerjasama dengan tenaga yang terkumpul dan kukuh dan semangat yang bulat kepada Kerajaan dalam usaha2 pembangunan dan permodenan negara di-tahun2 tu-johpuluhan ini.

SEJARAH PERMULAAN BRUNEI

(Dari Muka 4)

Tidak lama kemudian, Sultan Johor menjemput Awang Alak Betatar menghadap baginda di-Johor di-mana menurut cherita selanjut-nya, Raja Brunei itu menuntut supaya mendapat kembali Puteri Johor itu.

Kesah selanjut-nya mencheritakan bahawa sabenar-nya dari Sultan Johor itu-lah Awang Alak Betatar memelok Islam dan menerima perlantikan menjadi Sultan Mohammad berserta lain2 pengurniaan kehormatan Di-Raja.

Demikian bermula-nya pemerintahan kerajaan Islam di-Brunei ia-itu sa-telah Awang Alak Betatar memelok Ugama Islam dan mengambil nama Sultan Mohammad. Sunggohpun demikian susunan

cherita bagaimana mula - nya Awang Alak Betatar menjadi Raja berugama Islam, tetapi tidak-lah dapat di-tetapkan benar-nya cherita itu, kerana ada lagi beberapa cherita lama yang berlainan jalan cherita-nya mengenai sejarah Awang Alak Betatar menjadi Sultan Mohammad itu.

Hanya yang dapat kita perchayai ia-lah bahawa ada sa-orang yang bernama Awang Alak Betatar yang berkahwin dengan puteri Johor sa-telah memelok Ugama Islam—dan kemudian menjadi Sultan Brunei yang pertama berUgama Islam dengan nama Sultan Mohammad. Dan dari pemerintahan Sultan Mohammad itu-lah bermula-nya sejarah Kerajaan Islam di-Brunei.

Di-padankan dari buku: A Sketch of the History of Brunei oleh: H. R. Hughes-Hallett, MCS.

139 orang murid di-pilih ka-Sekolah Arab tahun ini

BANDAR BRUNEI. — Saramai 139 orang murid dari sekolah2 UGAMA di-negeri ini akan masuk belajar di-Sekolah2 Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit tahun ini.

Mereka di-pilih dari 161 orang murid yang memasuki peperiksaan pemilihan yang di-adakan dalam bulan Ogos yang lalu, untuk menimbangkan murid2 yang layak masuk ka-sekolah2 Arab.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal UGAMA berkata 52 orang murid akan masuk belajar di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah sementara 87 yang lainnya akan belajar di-Sekolah Menengah Arab, Raja Isteri Anak Damit.

Mereka2 yang berjaya ada-lah seperti berikut:—

a) Chalun2 untuk Tingkatan I bahagian lelaki.

Tunggal bin Metussin S.U. Sg. Besar, Ahmad bin Alim S.U. OKSB. Kilanas, Hamzah bin Ismail S.U. Danau, Sulaiman bin Labok S.U. Ahmad Tajuddin, Abu Hanifah bin Talib S.U. Keriam, Bagol bin Tuah S.U. Sinaut, Awang bin Ja'afar S.U. Kiulap, Abdul Razak bin Ghani S.U. Piasau2, Labu, Abdul Rahman bin Bincut S.U. Sinaut, Abdul Majid bin Metali S.U. Keriam, Norman bin Tahir S.U. Amar Pahlawan, Soferi bin Ibrahim S.U. Lambak, Jali bin Ali S.U. Telisai, Hashim bin Haji Chuch S.U. Batu Marang, Nordin bin Musa S.U. Piasau2 Labu.

b) Chalun2 untuk Tingkatan I bahagian Perempuan.

Fatimah bte Embran S.U. OKSB. Kilanas, Rohana bte Ibrahim S.U. Mohd. Alam, Dk. Hajjah bte Pg. Metarsad S.U. Mohd. Alam, Dk. Zaleha bte Pg. Shabbudin S.U. Batu Marang, Hasnah bte Omar S.U. Ahmad Tajuddin, Rahman bte Aw. Ajak S.U. Sultan Hassan, Zainab bte Liman S.U. Ahmad Tajuddin, Dk. Sarah bte Pg. Kamaluddin S.U. Batu Marang, Sam-siah bte Ahmad S.U. Sinaut, Seniah bte Aw. Tengah S.U. Amar Pahlawan, Jariah bte Ibrahim S.U. Bukok, Zaitun bte Zambin S.U. Sg. Besar, Besar, Siti Awa bte Akop S.U. Ahmad Tajuddin.

Fatimah bte Labok S.U. Tajuddin, Norhani bte Abd. Rahman S.U. Sg. Liang, Hamsiah bte Hj. Tarif S.U. Batu Marang, Jamilah bte Pudir S.U. Sinaut, Mariah bte Ismail S.U. Telisai, Soraja bte Siau S.U. Panchur Murai, Me'araj bte Suliman S.U. Batu Apoi, Mahani bte Haji Idris S.U. Muda Hashim, Fatimah bte Bahar S.U. Bukok, Hajjah bte Metussin S.U. Mohd. Alam Seria, Dasimah bte Aman S.U. Batu Marang, Satun bte Aman S.U. Sg. Liang, Dariah bte Sumari S.U. Amar Pahlawan, Zanah bte Ratap S.U. Ahmad Tajuddin, Hindun bte Kahar S.U. Batu Marang, Mariam bte Arshad S.U. Keriam, Dk. Zariah bte Pg. Tahir S.U. Batu Marang.

c) Chalun2 untuk Kelas Persediaan bahagian lelaki:

Mamit bin Saman S.U. Kiarong, Mosli bin Lamat S.U. Mulaut, Mahadi bin Haji Suhaili S.U. Ahmad Tajuddin, Mazni bin Othman S.U. Rampayoh Labi, Miramit bin Damit S.U. Senukoh, Labu, Sesabah

bn Abas S.U. Kiarong, Salleh bin Haji Tengah S.U. Piasau2, Labu, Samsu bin Haji Tudin S.U. Kiarong, Kalong bin Matasim S.U. Senukoh, Labu, Mail bin Besar S.U. Belais, Ali bin Apang S.U. Layong, Mohammad bin Kasim S.U. Madrasah, Saadi bin Haji Tengah S.U. Kuala Balai, Ramli bin Hidup S.U. Laila Menchanai, Abdul bin Tunggal S.U. Kati Mahar.

Ak. Japar bin Pg. Metassan S.U. Sultan Hassan, Bahar bin Sairan S.U. Ahmad Tajuddin, Abd. Samad bin Rabaha S.U. Kiarong, Jamil bin Abas S.U. Belais, Adnan bin Damit S.U. Batu Marang, Untong bin Othman S.U. OKSB. Kilanas, Tum bin Silow S.U. Labi, Md. Said bin Abas S.U. Puni, Md. Yusof bin Ahmad S.U. Kiulap, Tahir bin Pudir S.U. Bengkurong, Kula bin Ahmad S.U. Kiarong, Nirul Anuar bin Abd. Lahai S.U. Tanjong Maya, Adnan bin Yusof S.U. Kuala Balai, Balim bin Bali S.U. Piasau2 Labu, Ali Hassan bin Jali S.P. Penanjong, Jaman bin Pumat S.U. Piasau2, Labu, Abd. Karim bin Abd. Rahman S.U. Madrasah, Mohd. Buang bin Omar S.U. Kuala Balai, Julani bin Sapian S.U. Penapar, Mahmud bin Salleh S.U. Sinaut, Jamaludin bin Ibrahim S.U. Batu Marang, Osman bin Mamit S.U. Puni.

d) Chalun2 untuk Kelas Persediaan bahagian perempuan:

Sufiana bte Hj. Sulaiman S.U. OKSB. Kilanas, Zuraidah bte Md. Hanafiah S.U. Keriam, Dk. Siti Hawa bte Pg. Bakar S.U. Delima, Berakas, Nilam bte Hj. Ibrahim S.U. Sg. Besar, Salamah bte Mohd. Yusof S.U. Danau, Hajjah Tuning bte Abdullah S.U. Bukit Sawat, Siti Mariam bte Md. Daud S.U. Kiulap, Gambar bte Gapar S.U. Panchur Murai, Saleha bte Dula-min S.U. Penanjong, Arni bte Nayan S.U. Lumapas, Jarah bte Abdul Wahab S.U. Danau, Noraini bte Haji Bakar S.U. Amar Pahlawan, Norsham bte Haji Yahya S.U. OKSB. Kilanas, Halimah bte Mahali S.U. Kuala Tutong, Hadiah bte Hassan S.U. Puduk.

Amlah bte Haji Tengah S.U. Kuala Balai, Noorahaini bte Md. Yusof S.U. Penanjong, Asimah bte Johari S.U. Kiudang, Saudah bte Salleh S.U. Bekiau, Isah bte Bahar S.U. Puni, Asmah bte Haji Rendah S.U. Puduk, Tainon bte Selamat S.U. Bt. Beruang, Siti Sara bte Abd. Wahab S.U. Penanjong, Gadiah bte Akop S.U. Danau, Rosnah bte Abdullah S.U. Ahmad Tajuddin, Miam bte Salleh S.U. Piasau2, Labu, Intan bte Maidin S.U. Muda Hashim, Rosni bte Abd. Hamid S.U. Penanjong, Siti Apsah bte Ibrahim S.U. Mohd. Alam, Hasmah bte Ya'akub S.U. Sinaut.

(Lihat Muka 7)

Sekolah baru untuk Kg. Setia

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah membena sa-buah sekolah di-Kampung Setia di-Daerah Brunei-Muara bagi kanak2 darjah rendah. Ia-nya ia-lah bangunan sementara dan menelan belanja sa-banyak kira2 \$70,000.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran hari ini berkata, kanak2 dari kampung itu yang telah mengahdhiri Sekolah Melayu Pintu Malim dekat



DAYANGKU IRING

Lulus kursus Setia Usaha

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang lagi bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Brunei, Dayangku Iring bte Pengiran Haji Petra telah lulus kursus Setia Usaha dari St. Jame's Secretarial College London dengan mendapat Diploma.

Dayangku Iring telah belajar di-Maktab itu selama dua tahun atas biasiswa kerajaan.

Ini-lah penuntut Brunei yang julung2 kali lulus dalam kursus tersebut.

Tiga pegawai kadet AMDB berkursus di-Australia

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang pegawai kadet Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas ka-Australia pada hari Isnin lepas untuk menjalani latihan di-Sekolah Pegawai Kadet, Portsea, Australia.

Mereka ia-lah Awang Mohammad Ja'afar bin Abdul Aziz, Awang Shari bin Mohd. Ali dan Awang Yahya bin Abdi Manaf.

Mereka di-jadualkan berada di-sana selama sa-tahun.

Sementara itu sembilan orang anggota AMDB yang tidak bertauliah juga telah berlepas ka-United Kingdom

Sedco 135 berada di-perayeran Brunei

BANDAR BRUNEI. — Kapal pengorek minyak SEDCO 135 sekarang telah berada di-perayeran Brunei dan berlaboh di-satu tempat di-selatan Fairley Satu dalam garis lintang 4 darjah 55 minit 41 sa'at utara dan garis bujur 114 darjah 8 minit 27 sa'at timur.

Pelaut2 ada-lah di-minta supaya berlayar jauh dari kapal pengorek itu.

Apabila berada di-tempat mengorek, kapal itu akan berlaboh dan sembilan buah sauh akan di-turunkan yang akan menghala sa-juah kira2 2,000 kaki.

pada 4 Januari lalu untuk mengikuti kursus bahasa Inggeris di-Overseas Wing, Army School of Education, Beaconsfield.

Mereka ia-lah Sgt. Julaihi bin Abdul Majid, Sgt. Hamdan bin Mohammad, Sgt. Md. Juned bin Pengarah Haji Untong, Sgt. Mustapha bin Chuch, Sgt. Md. Jawi bin Ibrahim, Cpl. Mohidin bin Sa'ad, Cpl. Jasni bin OKS Menteri, Cpl. Ak. Yunus bin Pengiran Abas, Cpl. Bujang bin Ibrahim, L/Cpl. Henri bin Gampar, Pte. Rapie bin Dollah dan Pte. Awang bin Ahmad @ Hamidon.

Mereka di-jadualkan pulang ka-tanah ayer dalam bulan Jun ini, tetapi beberapa orang dari mereka akan berada di-United Kingdom buat beberapa waktu untuk menjalani kursus menembak motar, perubatan dan kursus pelayaran.

Tawaran bagi membekalkan batu kelikir

BANDAR BRUNEI. — Pehak kerajaan sedang menimbangkan tawaran2 untuk membekalkan batu2 kelikir tempatan — yang belum di-hanchorkan bagi pembenaan dan pemeliharaan jalan2 raya bagi tahun 1970.

Dalam tahun 1969, batu2 kelikir berharga kira2 setengah juta ringgit telah diterima oleh kerajaan. Usaha membekalkan batu2 kelikir di-bawah tawaran itu telah sempurna baru2 ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya berkata jabatan-nya sedang menjalankan beberapa projek pembenaan jalan raya di-daerah2 Belait, Tutong dan Brunei-Muara.

Projek di-Daerah Belait meliputi pembenaan jalan2 baru sa-jauh 27 batu dan termasuk jalan yang ada dari Bukit Puan ka-satu tempat sa-lepas Rampayoh.

Projek pembenaan jalan raya di-Daerah Belait di-anggarkan menelan belanja \$13 juta.

Jawatan—Jawatan Kosong

Perkhidmatan Pentadbiran Brunei

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 Melayu yang di-lahirkan di-Brunei serta menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan dan mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau kelayakan yang sebanding dengan-nya untuk di-lantek sa-bagai Pegawai Pentadbir Kedet, Brunei. Chalon2 mesti-lah berumur antara 18 dan 27 tahun.

Tingkatan Gaji:

Kedet (a) \$330 x 15 — 360.
(b) \$380 x 20 — 420.

B.A.S. Tingkat II

\$630 x 30 — 990.

B.A.S. Tingkat I

\$1020 x 40 — 1620.

Sharat2 Lantekan:

Pemohon2 yang di-pileh

akan di-lantek sa-bagai per-chubaaan selama dua tahun. Sebelum di-tetapkan dalam jawatan B.A.S. Tingkat II, chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki lulus peperiksaan2 yang tertentu dalam Undang2 dan Perintah Am.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2. Sampol surat yang mengandungi permohonan mesti-lah di-tandakan "Permohonan Bagi B.A.S." di atas sebelah kiri. Hanya salinan sijil2 dan surat2 akuan yang mesti di-sertakan.

Permohonan2 yang mesti di-penhokkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Januari, 1970.

Sa-bagai Penjaga Asrama Jururawat

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan sa-bagai Penjaga Asrama Jururawat Kerajaan, Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah se-kurang2-nya lulus Form III Inggeris dan keutamaan akan di-beri kepada perempuan2 yang maseh bujang.
- Umor tidak lebeh daripada 50 tahun.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam hal mengurus sa-buah asrama dan mempunyai pengalaman dalam kerja menguruskan makanan bagi kaki tangan.

Tugas2:

Mengawasi kaki - tangan2 yang menginap di-asrama dan menguruskan makanan bagi lebeh kurang 60 orang.

Sa-bagai Peon

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus darjah VII Sekolah Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1-2-3 EB4-5 \$160 x 5 — 220/EB/225 x 5 — 240 x 10 — 270.

Permohonan2 yang mesti di-penhokkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 31 Januari, 1970.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 — 4 EB 5 — \$380 x 20 — 620/EB/640 x 20 — 700.

Permohonan2 yang mesti di-penhokkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 27 Januari, 1970.

Sa-bagai Pemandu Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pemandu Tingkat II di-Jabatan Ukur, Kuala Belait. Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang tinggal di-Kuala Belait.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah ber-umur antara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan mambacha.
- Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan2 kechil.

Tugas2:

Chalon yang berjaya akan di-kehendaki memandu kenderaan Jabatan Ukur dan bertugas di-mana2 tempat di-Daerah Belait.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 3 — \$200 x 5 — 220.

Permohonan2 yang mesti di-penhokkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada

Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 21 Januari, 1970.

Gerakkan menyembor ubat DDT

BANDAR BRUNEI. — Kaki tangan Projek Penghapus Malaria akan menjalankan gerakan menyembor rumah2 dengan ubat DDT di-tiga buah kampung dalam Daerah Brunei dan Muara dan lima buah kampung di-Daerah Tutong, dalam bulan ini.

Rombongan tersebut akan melawat ka-Kampung Tanjong Bunot pada 8, 12 dan 13 Januari; Kampung Batu Ampar pada 14 Januari dan ka-Kampung Wasan pada 15 Januari.

Di-Daerah Tutong, rombongan itu akan melawat ka-Kampung Batang Mitus pada 19 dan 20 Januari; Kampung Mungkom pada 21 Januari; Kampung Belaboh pada 22 Januari; Kampung Menenggah pada 26 Januari dan Kampung Bukit Sulang pada 27 Januari.

Ada-lah di-anggarkan sa-banyak 692 litre ubat DDT akan di-gunakan untuk menyembor sa-banyak 222 buah rumah, pondok2 dan lain2 bangunan di-kampung2 itu.

Ketua Projek Penghapus Malaria meminta penghulu dan ketua2 di-kampung2 itu supaya

20 orang rekrut Polis di-kehendaki segera

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid berkata pasokan Polis Di-Raja Brunei memerlukan segera 20 orang pemuda sa-bagai rekrut, dan permohonan akan di-terima di-Ibu Pejabat Polis di-Gadong hingga 15 Januari ini.

Kata-nya, hanya ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan yang di-lahirkan di-Brunei, akan di-terima dan mereka yang ingin memasokinya hendak-lah berumur antara 18 hingga 28 tahun, lulus darjah enam sekolah Melayu atau Inggris, ukoran badan lima kaki dua inchi, buka dada 31 inchi dan mereka juga hendak-lah di-sahkan sehat dan layak oleh sa-orang pegawai perubatan.

Rekrut2 itu akan di-bayar gaji sa-banyak \$180.00 sabulan dalam masa lathen dan sa-telah lathen permulaan di-Brunei, mereka akan di-hantar keluar negeri untuk menjalani lathen lanjutan.

memberikan kerjasama dengan rombongan penyembor yang akan membuat lawatan itu.

YANG DI-PILEH KA-SEKOLAH ARAB

(Dari Muka 6)

Chakur bte Juma'at S.U. Sinaut, Raihani bte Aw. Tengah S.U. Amar Pahlawan, Masaliha bte Sa'aid S.U. Lumapas, Haidah bte Mohidin S.U. Keriam, Sa'adiah bte Hashim S.U. Bekiau, Ragimah bte Ahmad S.U. Ahmad Tajuddin, Haya bte Mahmud S.U. Sg. Liang, Dk. Aminah bte Pg. Apang S.U. Amar Pahlawan, Maimunah bte Md. Sa'at S.U. Kiulap, Zainun bte Basni S.U. Tanjong Maya, Taimah bte Ahmad S.U. Budak, Mashni bte Hamdan S.U. Ahmad Tajuddin, Jamilah bte Tarif S.U. Ahmad Tajuddin.

Halimah bte Aw. Mat Said S.U. Kiulap, Mahani bte Ramlee S.U. Tanjong Maya, Siti Hajar bte Sided S.U. Penanjong, Sarimah bte Haji Salam S.U. Penanjong, Maimunah bte Ja'afar S.U. Kiulap, Halimah bte Tudin S.U. Kati Mahar, Halimah bte Bakri S.U. Danau, Kimah bte Taib S.U. Penanjong, Normah bte Daud S.U. Ahmad Tajuddin, Rokayah bte Aw. Damit S.U. Muda Hashim, Sainah bte Alijudin S.U. Gadong, Siti Alam bte Edin S.U. Penanjong, Anah bte Saban S.U. Kati Mahar, Atmah bte Haji Ahmad S.U. Iabi Estate.

BRUNEI AKAN TERUS MAKMOR DAN MENCHAPAI KEMAJUAN — ramalan Awg. Adair

BANDAR BRUNEI. — Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair telah meramalkan Brunei akan terus menerus makmor dan menchapai kemajuan dalam bidang ekonomi, sosial dan pelajaran di-tahun2 yang akan datang.

Beliau membuat ramalan itu dalam perutusan tahun baru melalui Radio Brunei pada hari Khamis lepas.

Awang Adair berkata, kedudukan ini tidak dapat dibeli dengan mudah atau pun di-pelihara dengan senang sahaja. Ia-nya memerlukan usaha kerjasama, ketabahan dan bekerja keras.

Beliau menambah, dalam masa perubahan ini Brunei mesti-lah sentiasa waspada dan dapat menyesuaikan diri kepada perkembangan luar yang memberi kesan kepada kedudukan-nya di-dunia ini.

Tuan Yang Terutama merasa yakin bahawa puchok pimpinan yang telah memandu Brunei ka-arrah kedudukan-nya sekarang yang mengirinkan hati itu tidak akan ragu2 dalam menolong negeri ini menyesuaikan diri sa-bagaimana yang perlu terhadap perubahan yang tidak dapat di-elakkan oleh mana2 negeri yang moden.

Memandang balek ka-arrah kemajuan2 yang telah di-chapai dalam tahun lepas, Tuan Yang Terutama itu berkata, banyak kemajuan telah di-chapai dalam tugas yang terus menerus di-lakukan untuk membena dan memodenkan negeri ini.

Beliau menyebut tentang pembenaan lapangan terbang antara bangsa yang baru, pelabohan ayer dalam di-Muara, ranchangan2 bekalan ayer salorah ayer kotor dan pusat belia.

Awang Adair menambahkan, Brunei juga telah mengadakan perjanjian dalam tahun lepas bagi usaha menchari sumber2 gas asli.

5 orang dapat kurniaan dari Baginda Queen sempena tahun baru

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Askar Melayu Di-Raja Brunei telah mendahului senarai lima orang penerima2 bintang2 dan pingat yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen bersempena menyambut tahun baru 1970.

Pegawai Perubatan regiment itu, Lt. Col. Dato J. G. Moran telah di-kurniakan bintang Most Excellent Order of the British Empire O.B.E. dan Major H. Marshall, Pegawai Pemerintah bahagian penerbangan telah menerima bintang Air Forces Cross.

Dayang B. Berthoud, Ketua Penyalia Jururawat di-Rumah Sakit Bandar Brunei telah di-kurniakan bintang the Most Excellent Order of British Empire (M.B.E.).

Dua orang pegawai Polis Di-Raja Brunei telah di-kurniakan dengan pingat Polis Tanah Jajahan (Colonial Police Medal) kerana perkhidmatan yang baik.

Mereka ia-lah Superintendent Awang T. S. Swan dan Deputy Superintendent, Awang Mohammad bin Abdul Momin.

Pengurniaan tersebut telah diumumkan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair dalam perutusan tahun baru melalui Radio Brunei pada minggu lepas.



Awang A. R. Adair.

1970 berkehendakkan perjuangan belia2 yang lebeh bernas

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Md. Salleh bin Haji Masri mensifatkan tahun 1969 sa-bagai tahun yang menchapai belia2 tanah ayer untuk menggembeling tenaga ka-arrah usaha2 yang lebeh berkebakikan.

Kata-nya, tahun 1969 telah menempa sejarah kemajuan2 yang dapat di-banggakan belia2 terutama berikutan dengan rasminya pembukaan Pusat Belia sa-bagai pusat pelancharan aktibiti2 mereka untuk membantu menempa sejarah2 kemajuan yang lebeh gemilang.

Beliau telah membangkitkan tentang kongres Majlis Belia2 yang berlangsung di-pusat itu pada 1 Januari yang baru lalu yang di-sifatkan beliau sa-bagai kongres yang menchapai jiwa belia.

Pehin Orang Kaya Laila Wangsa menganggap kongres itu telah banyak membuka jalan untuk melancarkan kegiatan2 belia.

“Tetapi jika ada persatuan2 belia yang maseh juga “hidup



Y.D.M. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awg. Mohd. Salleh.

segaran mati tak mahu”, maka saya tidak mengerti-lah apa jenis belia ini”.

Beliau meyakinkan belia2 tanah ayer bahawa 1970 adalah berkehendakkan supaya belia2 di-negeri ini muncud dengan perjuangan2 yang lebeh bernas dan lebeh berarti untuk bangsa, Ugama dan negara.

“Pengabdian diri belia2 untuk membantu bidang2 kemajuan terhadap negara mereka yang sedang menuju ka-arrah pembangunan yang lebeh pesat sekarang ini, adalah sa-suatu yang amat wajar di-lakukan dan juga merupakan salah satu tanggung-jawab yang berat yang mesti di-pikul oleh golongan2 belia”, tegas Pehin Orang Kaya Laila Wangsa.

Uchapan itu telah di-sampaikan beliau ketika merasmikan peraduan bakhah perengkat negeri yang di-anjorkan oleh Persatuan Melayu Keriam Tutong pada malam 2 Januari lepas yang berlangsung di-Pusat Belia.

Pehin Orang Kaya Laila Wangsa telah memuji kegiatan2 yang di-laksanakan oleh Persatuan Melayu Keriam dan mensifatkan persatuan itu sa-bagai sa-buah persatuan belia yang amat berkemajuan dalam berbagai2 bidang termasuk bidang ekonomi.

Pengurniaan bintang dan pingat2

(Dari Muka 1)

Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati Darjah Pertama — S.P.M.B. di-anugerahkan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim dan Yang Berhormat Begawan Pehin Udana Khatib Dato Setia Awang Haji Umar bin Awang Rendah.

Sa-ramai 12 orang telah di-kurniakan **Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati — Darjah Kedua D.K.**

Mereka ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Md. Yusof ibni Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohammad Alam, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Di-Raja Pengiran Anak Chuchu ibni Al-Marhum Pengiran Muda Md. Salleh, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohammad Taha.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Awang Hj. Mohd. Jamil bin Begawan Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Seri Paduka Awang Haji Mohammad Taha bin Pehin Ratna Di-Raja Awang Hussein, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Di-Raja Dato Seri Paduka Awang Abas bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Awang Haji Ibrahim, Yang Di - Muliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Metali bin Md. Yassin dan Yang Di - Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan Mudim Haji Ismail bin Mat Serudin.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua — D.S.N.B. di-kurniakan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Abdul Wahab bin Pengiran Sabtu Kemaluddin.

Lain2 yang di-kurniakan bintang dan pingat2 itu ada-lah seperti berikut:

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.N.B.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Awang Haji Mohd. Taha bin Haji Bakir, Yang Di-Muliakan Pehin Perdana Wangsa Awang Haji Ahmad bin Mohammad dan Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia — Darjah Ke-empat P.S.B.

PW II Pengiran Mohammad bin Pengiran Metassim, L/Cpl. Pengiran Othman bin Pengiran Zainal dan Pte. Ak. Nordin bin Pengiran Damit.

Pingat Hassanah Bolkiah Sultan — Pangkat Pertama Lt. Mahdini bin Haji Basir.

Pingat Hassanah Bolkiah Sultan — Pangkat Kedua Pte. Madin bin Haji Kula.